

# Sedarkan ahli Pas sesat: Dr M

Oleh Ahmad Zaini Kamaruaman

BH 21 JUL 2000

ALOR STAK, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pemimpin dan anggota Umno berkempen untuk menyedarkan ahli Pas yang sudah tersesat supaya menghawa mereka kembali ke pangkal jalan.

Perdana Menteri berkata, mereka juga akan diminta memberi penjelasan kepada orang ramai mengenai jihad Umno yang berbeza dengan jihad Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah).

Katanya, jihad Umno ialah berusaha menyatupadukan dan memajukan ummah agar lebih berilmu, menguasai teknologi dan mampu berdiri setaraf dengan bangsa-bangsa lain.

"Jihad kita juga mampu mempertahankan umat Islam yang tertindas seperti di Bosnia dan Kosovo.

"Tidak ada sebab mengapa mereka harus menggulingkan kerajaan yang dianggap oleh dunia sebagai model hebat bagi sebuah negara Islam," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Umno Kedah, di sini hari ini.

Dr Mahathir juga me-

“

**Jihad Umno ialah berusaha menyatupadukan dan memajukan ummah dan mampu berdiri setaraf dengan bangsa-bangsa lain.**

”

-Dr Mahathir Mohamad

nyifatkan anggota Al-Ma'unah sebagai golongan sesat dan pengecut kerana percaya mereka kebal.

"Hanya mereka yang sesat dan bodoh saja mempercayai manusia boleh menjadi kebal dengan menuntut ilmu tertentu.

"Ajaran sesat berpunca daripada kepercayaan orang ini kononnya dia boleh kebal dan jatuhkan kerajaan. Dia tau dia tak ada kekuatan tapi dia ingat dia kebal dan boleh buat apa saja

"Ini satu kebodohan kerana tak ada orang yang kebal. Bila orang percaya dia boleh jadi kebal dia dah sesat kerana tak ada dalam Islam orang boleh kebal," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak terkejut dengan pembabitan golongan profesional dalam kumpulan Al-Ma'unah ke-

rana walaupun berpendidikan tinggi mereka sebenarnya tidak mempunyai ilmu agama.

Katanya, jika memiliki ilmu agama, golongan itu tahu bahawa mereka tidak boleh menjadi kebal.

Perdana Menteri berkata, pada 1969 beliau sendiri pernah menghadapi golongan yang mendakwa mempunyai ilmu kebal ketika menguruskan kliniknya di Alor Star.

"Ada orang dakwa dia kebal dengan tetak diri tidak luka. Saya suruh dia datang klinik dan cucuk jarum...boleh masuk tak. Soop (jarum) masuk.

"Mana kebal. Bodoh. Dia kutip duit banyak untuk pengeras ilmu kebal. Saya lihat ini dengan mata saya sendiri. Anda kata kebal...mai saya tetak. Jenis orang bacul saja yang cari ilmu kebal," katanya.